



Hayati sejarah

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam melancarkan pameran *More Than A Day As A Tiger* di Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur, semalam.

Pameran tersebut diadakan buat pertama kali di negara ini sehingga 11 Januari tahun depan.

Lebih 100 artifak yang telah dikumpulkan ketika zaman Kesultanan Mysore Tipu Sultan dipamerkan sepanjang tempoh berkenaan.

Perdana Menteri berkata, sumbangan Tipu Sultan dan bapanya, Haider Ali, sebagai pejuang menentang penjajahan



British menggambarkan betapa pentingnya memahami sejarah daripada sudut pandang pemimpin tempatan dan serantau. bukan hanya melalui naratif Barat.

Anwar berharap, pameran tersebut juga dapat menggalakkan tadbir urus

secara inklusif selain menghargai pendidikan lebih mendalam bagi semua rakyat di negara ini.

**■ ANWAR Ibrahim melawat ruang pameran *More Than A Day As A Tiger* di Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/AMIR KHALID**